

Pasdec sasar raih untung 2017

Pasdec Holdings Bhd, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) menyoar untuk kembali meraih keuntungan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Ia dipacu oleh projek hartanah dan operasi pengeluarannya di Afrika.

Naib Presiden Kanan Sumber Korporat, Goh Song Han (**gambar**), berkata kumpulan menyoar dalam mengurangkan kerugiannya pada tahun kewangan 2016, manakala operasi Afrika diunjur pulang modal menjelang tahun selepasnya.

"Kami menjangka sumbangan daripada segmen pembuatan kepada jumlah dagangan meningkat daripada 30 peratus sekarang ini, dengan mengambil kira kontrak baharu bernilai 1.2 bilion Botswana Pula (RM465 juta) daripada Volkswagen dan lebih 1.0 bilion Botswana Pula (RM380 juta) daripada Nissan.

"Kami yakin ini akan memberi kesan amat positif terhadap pendapatan kami dalam masa dua hingga tiga tahun akan

datang," katanya kepada pemberita selepas majlis pemeteraian perjanjian langganan saham biasa dan perjanjian pemegang saham antara Pasdec Automotive Technologies (Pty) Ltd dan Botswana Development Corp di Kuala Lumpur, semalam.

Catat kerugian

Pasdec Automotive Technologies adalah anak syarikat Pasdec Holdings di Afrika Selatan yang terbabit dalam pembuatan komponen kenderaan.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob.

Pasdec Holdings mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM19.46 juta pada sembilan bulan pertama tahun kewangan yang berakhir pada 30 Sept, 2015 berbanding keun-

tungan sebelum cukai sebanyak RM4.90 juta pada tempoh yang sama tahun lalu.

Pendapatan bagi tempoh berkenaan susut kepada RM145.86 juta daripada RM151.96 juta sebelumnya.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, kumpulan berkata kerugian berkenaan disebabkan oleh kos pemindahan, latihan dan pemberhentian yang berjumlah RM6.84 juta berikutan penempatan semula aktiviti pembuatan dari Afrika Selatan ke Botswana.

"Mungkin tahun depan, beberapa kos pemindahan akan dikira kerana kami tidak boleh menyerap semuanya dalam setahun. Kos itu akan dimasukkan ke tahun depan," katanya.

Mengenai pembangunan

hartanah, beliau berkata kumpulan telah mengenal pasti rakan kongsi usaha sama bagi pembangunan Bandar Putra di Kuantan.

Konsep baharu

"Rakan kongsi usaha sama itu akan membawa konsep baharu dan mempercepatkan projek.

"Pelbagai projek masih dilaksanakan walaupun pada masa ini banyak yang berdepan dengan kelembapan sektor hartanah. Kami juga tidak terkecuali dari semua ini, namun semuanya berjalan lancar," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Pasdec Automotive Technologies, Datuk Kevin Pather, berkata pada masa ini syarikat menyokong empat pengeluaran kereta seperti Volkswagen di Afrika Selatan bagi komponen kenderaan termasuk tempat duduk dan pelindung wayar elektrik.

"Di Botswana, kami akan membuat pelindung wayar elektrik bagi Nissan dan Volkswagen," katanya. **BERNAMA**

